

YBhg. Profesor Dr. Solehah Yaacob



Alam Melayu Kuno : sejauh mana maklumat kita?

Biodata

Profesor Dr. Solehah Yaacob merupakan profesor di dalam bidang Falsafah Nahu Arab di Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan, AHAS Kulliyah Ulum al-Wahyu dan Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau merupakan keluaran UIAM di mana kesemua ijazah adalah dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Di Istanbul, kertas kerja beliau mendapat skor tertinggi dengan 95 peratus yang dinilai pada tahun 2009 oleh Common Ground Melbourne Australia. Begitu juga di Tehran, Iran beliau telah dianugerahkan sebagai pemenang anugerah kertas kerja terbaik di Iran 2008. Selain itu, beliau telah dianugerahkan sebagai penulis terbaik artikel oleh UIAM untuk artikel beliau yang diterbitkan di London, 2015. Pada Mac 2018, beliau telah dianugerahkan 'Distinguished Women in Humanities and Social Sciences in Arabic Literature' oleh Venus International Foundation India. Selain itu, beliau merupakan penulis skrip 52 siri untuk projek dokumentari mengenai 'Revolusi Bahasa & Peradaban Manusia dari Adam (PBUH) hingga Muhammad (PBUH)' untuk Siaran TV.

Abstrak

Masih tiada maklumat Alam Melayu Kuno yang dibukukan. Manuskrip tentang Alam Melayu yang ada hanyalah bertarikh 1500 Masihi atau hanya bermula kurun yang ke 14th Masihi. Justeru di mana manuskrip, batu bersurat atau maklumat sebelum itu? Maklumat Alam Melayu yang digembar-gemburkan hanyalah bertarikh 600 Masihi atau hanya di kurun 7th Masihi sahaja berdasarkan bukti beberapa batu bersurat yang ditemui di Sumatra. Ini sudah tentu memberi tamparan hebat kepada kita bangsa Melayu bahawa maklumat yang ada hanya sekitar kurun ke dua Hijrah bermakna sejarah Alam Melayu hanya diwartakan setelah kewafatan junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Keadaan ini menunjukkan kita sebagai bangsa Melayu tidak tahu asal usul leluhur kita yang sebenar. Kenapa ini terjadi? Kenapa ia tidak didedahkan secara rasmi tentang kedatangan bangsa ini sedangkan kitab-kitab kuno atau klasik menyebut tentang kedatangan anak-anak Keturah dan Nabi Ibrahim a.s ke Alam Melayu. Kedatangan mereka ini sebagai utusan untuk mengembangkan Agama Tauhid. Justeru kertas kerja ini cuba membongkar beberapa maklumat primer terhadap isu di atas. Pengolahan tajuk berdasarkan analisis dan kritik.